

NO. SOALAN: 273

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

RUJUKAN : 8733

SOALAN:

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan pegawai polis yang ditangkap dan didakwa ke Mahkamah sejak 2010. Berapa pegawai dijatuhkan hukuman.

JAWAPAN:

Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebagai agensi penguatkuasa yang utama negara bagi menjamin keselamatan dan kententeraman awam sentiasa terpelihara amat mementingkan tahap disiplin yang tinggi dipamerkan oleh anggota pasukan pada setiap masa. Prinsip “zero toleration” diambil terutamanya terhadap mana-mana pegawai dan anggota polis yang didapati melakukan kesalahan jenayah bagi memastikan integriti pasukan polis sentiasa dipandang tinggi oleh masyarakat dan sentiasa digeruni oleh penjenayah.

Siasatan akan dijalankan secara telus dan saksama tanpa mengira kedudukan dan pangkat seseorang anggota tersebut apabila terdapat laporan atau aduan mengenai penglibatan dalam salah guna kuasa atau terlibat dalam aktiviti jenayah.

Statistik anggota polis yang terlibat dalam kes jenayah bagi tempoh 5 tahun bermula pada tahun 2010 sehingga 2015 seperti berikut:-

BIL	KONTINJEN	JUMLAH KES	NFA/KUS	TUDUH	KES BELUM SELESAI/ TIADA KEPUTUSAN
1	PERLIS	72	49	21	2
2	KEDAH	302	152	31	119
3	PULAU PINANG	314	221	25	68
4	PERAK	340	253	25	62
5	SELANGOR	811	566	229	16
6	KUALA LUMPUR	176	84	42	50
7	N.SEMBILAN	205	166	23	16
8	MELAKA	123	84	30	9
9	JOHOR	542	246	43	253
10	PAHANG	155	118	21	16
11	TERENGGANU	156	85	21	50
12	KELANTAN	267	176	34	57
13	SABAH	400	262	44	94
14	SARAWAK	227	158	37	32
JUMLAH		4090	2620	626	844